

Transliterasi Lakaran Jalan Cerita Karangan Naratif melalui iMovie untuk Meningkatkan Kemahiran Penulisan Naratif

Siti Nurhidayah Abdul Aziz

siti_nurhidayah_abdul_aziz@schools.gov.sg

Nur Umaira Mohamad Zulkifli

nur_umaira_mohamad_zulkifli@schools.gov.sg

Sekolah Menengah Changkat Changi

Abstrak

Penulisan karangan naratif merupakan salah satu kemahiran menulis yang mencabar bagi pelajar. Guru terpanggil untuk membantu pelajar menjana idea bagi plot, meningkatkan kemahiran dan minat pelajar untuk menulis. Kajian ini meneliti keberkesanan pengajaran menggunakan rangka gunung dan penggunaan *iMovie* dalam meningkatkan pemahaman serta minat pelajar terhadap pembelajaran karangan naratif. Seramai 14 orang pelajar Menengah 2, aliran Normal Akademik (SBB), terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan rangka gunung dan aplikasi *iMovie* telah berupaya meningkatkan keyakinan dan kreativiti pelajar untuk mula menulis. Pelajar dapat menghasilkan penulisan dengan lebih baik apabila mereka mentransliterasikan plot kepada klip video pendek yang menarik melalui aplikasi *iMovie*.

Kata Kunci: kemahiran menulis, idea plot, karangan naratif, ICT, *iMovie*

PENGENALAN

Ucapan Menteri Negara Pendidikan Encik Chee Hong Tat pada 24 Ogos 2019, menyarankan penggunaan penceritaan dalam pembelajaran bahasa serta pembelajaran teradun yang menggunakan bahan ICT, harus diberikan keutamaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Hal ini juga selaras dengan ciri-ciri yang terdapat dalam sukanan baharu Bahasa Melayu 2021.

Lantaran itu, guru-guru Bahasa Melayu harus meningkatkan pedagogi dengan perancangan yang jelas dan mudah serta bahan-bahan ICT untuk menarik hati para pelajar supaya suka pada Bahasa Melayu. Menteri Pendidikan Encik Ong (2020) juga menyatakan dalam ucapannya bahawa para pelajar sepatutnya belajar dalam persekitaran yang holistik dan mendalam melalui kaedah literasi digital.

iMovie merupakan wadah ICT bagi guru untuk meningkatkan pelibatan dan minat para pelajar apabila mereka dapat mentransliterasikan hasil penulisan karangan naratif mereka kepada penceritaan berbentuk digital iaitu klip video pendek. Lantas, kertas kajian ini memberi tumpuan pada penggunaan rangka gunung (plot) dan *iMovie* dalam pengajaran karangan naratif. Melalui pendekatan ini, para pelajar diharapkan dapat memikirkan dan menghasilkan plot karangan naratif secara berstruktur dan kreatif.

PERNYATAAN MASALAH

Karangan naratif merupakan salah satu komponen yang kurang digemari para pelajar. Tinjauan awal yang dilakukan semasa prakajian menunjukkan bahawa ada seorang pelajar (7.1%) yang tidak berkeyakinan untuk menulis karangan naratif manakala sebanyak 71.4% pelajar pula yang berpendapat agak yakin untuk menulis karangan naratif semasa peperiksaan. Dalam tinjauan awal tersebut juga mendapati bahawa 64.3% pelajar menghadapi ketandusan idea bagi melakarkan plot karangan naratif mereka semasa peperiksaan. Maka itu, hasil karangan pelajar didapati kurang berkualiti kerana pelajar tidak dapat mengembangkan idea-idea bagi membentuk plot cerita yang menarik.



Kesudahannya, markah pencapaian pelajar dalam penulisan karangan naratif kurang memuaskan.

Lantaran itu, pengkaji telah memperkenalkan pelajar dengan plot cerita rangka gunung untuk membimbing pelajar menjana idea berdasarkan tuntutan soalan agar penulisan karangan mereka membuatkan hasil yang kreatif. Bagi merangsang minat dan kreativiti para pelajar, pengkaji menggunakan aplikasi *iMovie* agar para pelajar dapat melihat hasil karangan naratif secara langsung jika ditransliterasikan dalam bentuk klip video.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk:

1. membimbing pelajar mengenal pasti dan membahagikan tuntutan soalan karangan naratif menggunakan plot cerita rangka gunung; dan
2. meneliti keberkesanan penggunaan aplikasi *iMovie* dalam merangsang minat dan kreativiti para pelajar.

KAJIAN LEPAS

Sebelum ini, terdapat ramai guru bahasa Melayu di Singapura yang telah membuat kajian dan berkongsi di Seminar Bahasa Melayu mengenai teknik yang berkesan untuk mengajar penulisan naratif di dalam bilik darjah. Faridah, Rohani dan Rose (2012) berpendapat bahawa kemahiran menulis dipengaruhi oleh pengajaran penulisan yang bersistem dan berkesan. Norfadilah dan Hanizah (2012) pula mendapatkan bahawa melalui kajian mereka, penggunaan peta minda boleh membantu pelajar dalam merancang dan menyusun idea penulisan dengan lebih baik. Oleh itu, jelas bahawa para pelajar memerlukan satu perancangan atau templat untuk membantu mereka memulakan penulisan naratif. Maka, terlahirlah rangka plot gunung dan juga peta minda untuk menjana idea tentang watak.

Simin dan Wan (2015) berpendapat bahawa para pelajar boleh meraih manfaat melalui penggunaan ICT dalam pengajaran di dalam bilik darjah kerana

pemahaman mereka tidak lagi terikat kepada sumber dan kurikulum yang terhad. Justeru, penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat merangsang pemahaman pelajar mengenai subjek yang dipelajari dengan lebih berkesan. Lantas, kajian ini menunjukkan proses mentransliterasikan plot karangan naratif melalui aplikasi *iMovie* telah dapat meningkatkan kemahiran menulis sekali gus dalam memupuk persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan.

Bernard R Robin (2008) pula mengatakan bahawa penceritaan atau bercerita secara digital merupakan satu latihan yang menggunakan wadah atau aplikasi komputer untuk menceritakan sesuatu. Proses ini boleh mengandungi tulisan, gambar, audio, video dan muzik. Beliau turut menambah bahawa apabila pelajar menggunakan cara penceritaan secara digital, kebolehan literasi pelajar dapat bertambah. Brown, Bryan dan Brown (2005) turut melabelkan kemahiran yang pelbagai ini sebagai ‘Literasi Abad ke-21’.

KAEDAH KAJIAN

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 14 orang pelajar Menengah 2 Normal Akademik SBB yang mempunyai tahap pembelajaran yang berbeza. Penguasaan bahasa pelajar juga pada tahap sederhana. Kumpulan sasaran ini dipilih kerana para guru ingin memastikan cabaran pelajar untuk menulis karangan naratif yang baik dan berkesan dapat ditangani dengan segera sebelum mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah atasan.

Instrumen Kajian

Kajian ini melibatkan analisis secara kuantitatif dan kualitatif. Instrumen kajian pertama yang digunakan merupakan borang soal selidik. Menurut Openheim (1992), penggunaan soal selidik dapat memberikan contoh yang tepat terutama sekali jika item-item digunakan secara konsisten. Maka itu, soal selidik dijalankan sebelum dan sesudah pengajaran disampaikan bagi memantau perbezaan persepsi pelajar tentang tahap kesediaan dan masalah yang mereka hadapi semasa menulis karangan naratif.



Pendekatan pengajaran secara eksplisit juga digunakan bagi memastikan pelajar benar-benar memahami apa yang disampaikan agar mudah bagi mereka melaksanakan tugas pembelajaran mereka secara berkumpulan dan kendiri semasa peperiksaan. Dalam pengajaran secara eksplisit, pelajar dibimbing melalui teknik modeling atau tunjuk ajar. Setelah pelajar memahami modeling guru, pelajar berpeluang untuk mengaplikasikan teknik yang dipelajari dan membuktikan pemahaman mereka dengan jelas.

Keberkesanan pengajaran ini dapat diukur dan dikukuhkan lagi dengan hasil perbandingan markah karangan naratif pelajar semasa peperiksaan akhir tahun 2019 dan 2020.

Prosedur Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada lima fasa dan lapan sesi pelajaran pada Penggal 3 persekolahan. Setiap sesi pelajaran mengambil masa selama 1 jam 10 minit.

1. Fasa 1 (Sesi 1 & 2)

Fasa ini merupakan fasa perancangan awal yang dimulakan dengan mengenal pasti kehendak soalan karangan naratif dan mencari makna kata kekunci menggunakan kamus. Guru juga telah memberikan pelajar dua soalan karangan naratif dengan tujuan menggunakan soalan pertama sebagai bahan modeling guru untuk membimbing pelajar. Selain soalan karangan naratif yang diberikan, sebuah rangka yang mengandungi beberapa soalan panduan turut disertakan dalam lembaran kerja tersebut. Setelah pelajar meneliti modeling guru, pelajar dikehendaki mengaplikasikan teknik yang difahami menggunakan soalan karangan naratif yang kedua.

2. Fasa 2 (Sesi 3 & 4)


Bagi fasa ini, guru telah menyediakan lembaran kerja berupa peta minda bagi mendapatkan pelajar melahirkan watak utama dan watak-watak sampingan untuk karangan naratif mereka. Guru juga telah menerangkan tentang peranan setiap watak dan bagaimana watak-watak tersebut dapat menunjukkan masalah dan kemudiannya meleraikan masalah di

akhir karangan naratif mereka. Semasa modeling guru, guru menekankan kepada pelajar untuk melahirkan watak-watak yang tiada kaitan dengan peranan sebagai seorang pelajar kerana ingin menggalakkan mereka berfikir luar dari dunia keselesaan mereka.

3. Fasa 3 (Sesi 5 & 6)


Fasa ini merupakan pelaksanaan idea bagi karangan naratif menggunakan plot cerita rangka gunung secara berkumpulan. Pelajar telah dibimbang untuk mengisikan idea-idea mereka secara tersusun kepada enam bahagian gunung tersebut. Guru telah menunjukkan sampel kepada pelajar agar mereka dapat memahami dengan lebih jelas tentang cara-cara untuk membahagikan masalah yang dihadapi watak utama secara berperingkat dari perenggan pendahuluan hingga ke klimaks. Guru juga menyatakan bahawa permasalahan tersebut perlu dileraiakan secara teratur dan menunjukkan kesan kepada watak sampingan dan watak utama di akhir cerita. Sila rujuk Rajah 1.

Rajah 1: Sampel Guru Untuk Pelajar Memahami Pelaksanaan Idea Plot Cerita Karangan Naratif Menggunakan Rangka Gunung



Selain daripada menuliskan ayat-ayat penyata, pelajar diminta untuk memikirkan dialog-dialog yang berkesan semasa mencatat idea mereka menggunakan rangka gunung tersebut. Rajah 2 merupakan hasil tugas pelajar mencatat plot cerita yang menggunakan rangka gunung.

Rajah 2: Contoh Hasil Tugasan Pelajar Menggunakan Rangka Gunung



4. Fasa 4 (Sesi 7)

Pada fasa ini, guru memberikan masa 50 minit kepada pelajar secara kendiri untuk menulis karangan lengkap berdasarkan rangka gunung yang telah diisikan bersama kumpulan mereka. Walaupun plot cerita dirancang bersama secara berkumpulan, hasil penulisan karangan setiap pelajar berbeza mengikut kemahiran berbahasa mereka.

5. Fasa 5 (Sesi 8)

Fasa terakhir ini difokuskan kepada penyediaan klip video menggunakan aplikasi *iMovie* dalam iPad. Berdasarkan hasil penulisan pelajar, guru telah memilih karangan daripada seorang pelajar untuk ditransliterasikan kepada klip video. Untuk mempercepatkan proses penyediaan klip video

ini, guru telah memulakan klip video terlebih dahulu dengan mencari gambar-gambar yang sesuai dengan plot cerita pelajar tersebut. Guru pula kemudiannya membahagikan pelajar kepada tiga kumpulan. Setiap kumpulan memainkan peranan penting seperti merekod suara watak-watak dalam cerita, mencari bunyi-bunyi latar dari lelaman *Youtube* dan menaipkan subtajuk dalam aplikasi *iMovie* tersebut. Usaha-usaha pelajar digabungkan melalui ‘*airdrop*’ kepada satu iPad agar dapat disunting dan diterbitkan sebagai sebuah klip video oleh guru.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Setelah kajian ini dijalankan, analisis data telah dilakukan. Borang soal selidik yang mengandungi soalan yang sama diberikan kepada pelajar selepas kajian ini dilaksanakan.

Dapatan borang soal selidik selepas kajian dibandingkan dengan dapatan sebelum kajian itu dijalankan. Dapatan prakajian menunjukkan bahawa ada seorang pelajar (7.1%) yang kurang yakin untuk menulis karangan naratif manakala seramai 10 orang pelajar (71.4%) yang berpendapat agak yakin menulis karangan naratif semasa peperiksaan. Sila rujuk Rajah 3.

Rajah 3: Dapatan Prakajian Tentang Keyakinan Diri Pelajar Ketika Menulis Karangan Naratif Semasa Peperiksaan

1. In a scale of 1 to 5, how confident are you writing narrative composition during examination? (1 being Not Confident At All, 3 Somehow Confident and 5 Very Confident)


14 responses



Penggunaan borang soal selidik yang sama dapat memberikan dapatan yang lebih sahih kerana guru dapat meninjau sama ada kajian ini dapat mendatangkan kesan yang positif atau negatif kepada pelajar.

Ternyata, kajian ini dapat menunjukkan peningkatan tentang keyakinan diri pelajar menulis karangan naratif semasa peperiksaan. Walaupun terdapat 8 pelajar (57.1%) yang hanya agak yakin untuk menulis karangan naratif, dapatan pascakajian menunjukkan bahawa terdapat penambahan 3 orang pelajar yang kini lebih yakin menulis karangan naratif semasa peperiksaan. Lantas, dapatan pascakajian menunjukkan bahawa terdapat 6 orang pelajar (42.9%) kini lebih bersedia menulis karangan naratif semasa peperiksaan setelah pelaksanaan kajian dilakukan. Sila rujuk Rajah 4.

Rajah 4: Dapatan Pascakajian Tentang Keyakinan Diri Pelajar Ketika Menulis Karangan Naratif Semasa Peperiksaan



Selain daripada dapatan borang soal selidik, markah keputusan akhir tahun pelajar bagi tahun 2019 telah dibandingkan dengan keputusan akhir tahun 2020. Dapatan kajian ini membuktikan pencapaian pelajar yang sungguh memberangsangkan. Secara umumnya, jumlah kelulusan bagi kertas 1 bahagian B semasa peperiksaan akhir tahun 2020, mencatatkan 100% kelulusan manakala hanya 71.4% (10 pelajar) yang lulus semasa peperiksaan akhir tahun 2019. Sila rujuk Jadual 1.

Jadual 1: Taburan Markah Pelajar Berdasarkan Keputusan Peperiksaan Akhir Tahun 2019 Dan 2020

Subjek Kajian (Pelajar)	Markah Karangan 2019 (40 markah)	Markah Karangan 2020 (40 markah)	Peningkatan + positif - negatif
A	18	24	(+6)
B	18	23	(+5)
C	20	23	(+3)
D	21	26	(+5)
E	18	28	(+10)
F	19	25	(+6)
G	24	29	(+5)
H	24	29	(+5)
I	22	27	(+5)
J	24	26	(+2)
K	24	21	(-3)
L	24	27	(+3)
M	21	21	-
N	23	28	(+5)
Jumlah pelajar yang menunjukkan peningkatan dalam markah karangan naratif:			12 / 14

Jadual 1 menunjukkan bahawa terdapat 85.7% (12 orang pelajar) yang menampakkan peningkatan positif dengan mencapai markah peningkatan 2 hingga 10 markah. Jelas sekali dapatan ini juga menunjukkan bahawa pelajar E mampu mencapai peningkatan markah yang paling banyak iaitu 10 markah bagi keputusan karangan naratif yang dilakukan pada peperiksaan akhir tahun 2020.

Namun begitu, terdapat 2 orang pelajar yang tidak menunjukkan peningkatan dalam penulisan karangan naratif semasa peperiksaan tersebut. Hal ini berkemungkinan berlaku disebabkan laras bahasa mereka yang lemah dan tidak dapat menyelesaikan penulisan karangan yang lengkap semasa peperiksaan. Tambahan, pelajar K lebih cenderung kepada penulisan karangan deskriptif berbanding naratif. Maka itu, keputusan pelajar K kurang menyerlah.

Proses pembelajaran pelajar untuk memahami plot karangan naratif dapat dipertingkatkan dan dikukuhkan lagi apabila mereka dapat melihat hasil



rangka gunung mereka ditransliterasikan dalam bentuk klip video pendek melalui aplikasi *iMovie*. Klip video pendek ini dapat menunjukkan gambaran keseluruhan secara langsung. Tambahan, proses mentransliterasikan plot karangan mampu meningkatkan daya kreativiti pelajar, mempelajari kemahiran baharu serta mencetus keseronokan dalam suasana bilik darjah. Maklum balas pelajar turut dirakam dan dinaik muat di akhir klip video *iMovie* tersebut. Sila rujuk Jadual 2 untuk mendapatkan maklum balas pelajar A, B dan C.

Jadual 2: Maklum Balas Pelajar Tentang Pengalaman Menggunakan Aplikasi *Imovie*

Pelajar A	Sebagai pelajar yang visual, saya dapat melihat hasil perkembangan cerita secara keseluruhan dengan lebih jelas. Kini, saya lebih memahami tentang kepentingan untuk melakarkan plot cerita yang baik untuk karangan naratif saya. Saya amat gembira sekali kerana saya berpeluang merakam suara saya sebagai salah seorang watak dalam cerita ini.
Pelajar B	Saya dapat menggunakan <i>Ipad</i> untuk mencari bunyi-bunyi latar dari lelaman <i>Youtube</i> yang sesuai untuk karangan naratif saya. Pengalaman ini memberi saya peluang untuk bekerjasama dengan rakan-rakan saya dan untuk pertama kalinya, saya berasa teruja ketika menonton hasil karangan naratif saya dalam bentuk <i>iMovie</i> .
Pelajar C	Saya berasa amat seronok kerana saya dapat berlakon dan mendalami watak-watak dalam karangan saya dengan lebih baik. Melalui pengajaran ini, saya juga dapat memperbaik bahasa saya dari segi menulis dialog-dialog yang berkesan agar karangan saya lebih menarik.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan plot cerita rangka gunung dapat membimbing pelajar untuk mengenal pasti dan membahagikan kehendak soalan karangan naratif dengan lebih berkesan. Hal ini jelas dibuktikan melalui dapatan analisis secara kuantitatif. Pelajar dapat menulis karangan naratif dengan lebih bermutu semasa peperiksaan akhir tahun dan mencapai peningkatan markah yang lebih memberangsangkan. Walau bagaimanapun, kajian ini menunjukkan bahawa para pelajar masih perlu membiasakan diri dengan menggunakan rangka gunung yang diajar dan perlu lagi banyak latihan.

Hasil dapatan secara kualitatif daripada para pelajar mengenai penggunaan aplikasi *iMovie* turut menunjukkan keberkesanan kajian ini secara

keseluruhan. Para pelajar menengah 2 Normal Akademik SBB kini lebih yakin untuk menjawab dan menulis soalan karangan naratif semasa peperiksaan.

Secara kesimpulannya, para pelajar kelihatan berminat semasa belajar penulisan dan dapat menjana idea-idea yang baik serta kreatif. Untuk mencapai hasil penulisan karangan yang bermutu pada masa hadapan, para pengkaji boleh memberi fokus pula kepada aspek-aspek bahasa seperti penulisan dialog yang bermakna dan pemilihan kosa kata yang sesuai.

Guru lain yang terlibat dalam kajian ini:

1. Hezrina Johan Manikam
2. Izzalina Mohamad Ali

RUJUKAN

Bernard R Robin (2008). Jurnal 43 The effective uses of digital storytelling as a teaching and learning tool hlm 429-430. New York: Routledge Taylor and Francis Group. Diambil daripada The Book of Research on Teaching Literacy Through The Communicative and Visual Arts (Volume II). Edited by James Flood, Shirley Brice Heath, Diane Lapp. Dipetik pada 11 November 2020 dari <https://books.google.com.sg/books?hl=en&lr=&id=cIx4CAAAQBAJ&oi=fnd&pg=PA429&dq=effectiveness+of+imovie+in+teaching+and+learning&ots=>

Chee Hong Tat (2019). Speech by Senior Minister of State, Ministry of Education, at the 8th Mother Tongue Languages Symposium, at Suntec Singapore Convention & Exhibition Centre. Dipetik pada 3 November 2020 dari <https://www.moe.gov.sg/news/speeches/speech-by-mr-chee-hong-tat--senior-minister-of-state--ministry-of-education--at-the-8th-mother-tongue-languages-symposium--at-suntec-singapore-convention-and-exhibition-centre>

Ghavifekr, S. & Rosdy, W.A.W. (2015). *Teaching and learning with technology: Effectiveness of ICT integration in schools*. International Journal of Research in Education and Science (IJRES), 1(2), 175-191.



Kecekapan Berbahasa dan Penghayatan Nilai dalam pendidikan Abad ke-21. Seminar Bahasa Melayu 2012. Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura & Kementerian Pendidikan Singapura.

Oppenheim, A.N. (1992). *Questionnaire design, interviewing and attitude measurement*. London. Pinter Publishers.

Ong Ye Kung (2020). MOE FY2020 Committee of Supply Debate Response by Minister for Education Ong Ye Kung. Dipetik pada 2 November 2020 dari <https://www.moe.gov.sg/news/speeches/moe-fy2020-committee-of-supply-debate-response-by-minister-for-education-ong-ye-kung>.